Utusan Online
15 April 2019

5,000 pengunjung meriahkan Melaka Muzikal Extravaganza



SEBAHAGIAN daripada pengunjung yang hadir memeriahkan Melaka Muzikal Extravaganza di Dataran MBMB, Ayer Keroh, Melaka malam tadi. - UTUSAN ONLINE/AZLI AHAD

MELAKA 15 April - Kira-kira 5,000 pengunjung membanjiri Dataran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di sini bagi menyaksikan persembahan artis popular tanah air sempena Melaka Muzikal Extravaganza, di sini malam tadi.

Antara artis yang membuat persembahan pada konsert berkenaan termasuk Datuk Ramli Sarip, Misha Omar, Hael Hussaini, Man Kidal, Winnie K dan Sasi The Don.

Majlis bermula pada pukul 8.45 malam itu turut diserikan dengan kehadiran Ketua Menteri, Adly Zahari bersama beberapa Exco kerajaan negeri.

Lebih menarik, konsert dipimpin Lok U sebagai pengarah muzik itu turut diperkuatkan dengan iringan Orkestra Kolej Yayasan Saad terdiri daripada pelajar sekolah berusia antara 13 hingga 17 tahun.

Konsert yang merupakan sebahagian daripada program sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-16 Bandaraya Melaka Bersejarah itu mendapat kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Melaka serta Badan Kebudayaan dan Kesenian MBMB. - UTUSAN ONLINE

Artikel Penuh: http://www.utusan.com.my/hiburan/5-000-pengunjung-meriahkan-melaka-muzikal-extravaganza-1.882741#ixzz5lJwxq1eN
© Utusan Melayu (M) Bhd